



**DEKAN FAKULTI PENDIDIKAN**  
 Unit Endowmen Fakulti Pendidikan,  
 Universiti Teknologi Malaysia,  
 81310 Skudai, Johor.  
 (u.p : Pengurus Endowmen Fakulti)



## PENGURUSAN

### TABUNG ENDOWMEN FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM diurus oleh Unit Endowmen Fakulti Pendidikan UTM, dengan dikawal selia oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen yang berpengalaman dan berwibawa. Jawatankuasa pemegang Amanah Endowmen Fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Pendidikan.

Segala sumbangan yang diterima akan dilaburkan dalam aktiviti pelaburan yang patuh syariah dan tidak berisiko. Unit Endowmen Fakulti Pendidikan UTM akan menggunakan hasil daripada pelaburan wang sumbangan tersebut untuk membantu pelajar dan pihak yang memerlukan berdasarkan objektif Tabung Endowmen.

## MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan Tabung Endowmen UTM boleh diperolehi melalui surat, telefon, faks, emal atau melayari website seperti di bawah.

**Unit Endowmen Fakulti Pendidikan,  
 Universiti Teknologi Malaysia,  
 81310 Skudai, Johor.**



**Telefon** : +607 - 553 4256 / 553 4374  
 (Pejabat Modal Insan / No. CC : Puan Nazamiah)  
**Faks** : +607-556 0542 / 77351 / 34884  
**Emel** : fp-endowment@utm.my



# TABUNG ENDOWMEN

**FAKULTI PENDIDIKAN  
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

inovatif • entrepreneurial • global



## SEMAKIN BANYAK MEMBERI

## SEMAKIN BANYAK MENERIMA

# PENGENALAN

Universiti Teknologi Malaysia telah menubuhkan Endowmen UTM pada tahun 2009. Usaha ini adalah tepat dan selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang menyasarkan Universiti Awam (UA) di negara ini untuk menjana pendapatan sendiri bagi menampung keperluan kewangan universiti. Selaras dengan itu, penubuhan Tabung Endowmen di Fakulti Pendidikan UTM ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai hasrat tersebut.

Bagi meningkatkan kecemerlangan Fakulti Pendidikan UTM dalam bidang pembangunan akademik dan mahasiswa serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), sokongan daripada semua warga dan alumni Fakulti Pendidikan UTM adalah sangat diperlukan. Fakulti Pendidikan UTM juga merancang untuk menjalinkan perkongsian strategik dengan alumni dan badan-badan korporat untuk mencapai dan mengekalkan kecemerlangan kearah kemajuan pendidikan dan profesional. Sumbangan daripada warga Fakulti Pendidikan UTM, alumni, dan dermawan diperlukan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Pengwujudan Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada staf, mahasiswa, Alumni Fakulti Pendidikan UTM, individu, organisasi awam dan swasta, serta syarikat korporat, di dalam dan luar negara, memberi sumbangan bagi memastikan Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM dapat berfungsi dengan baik dalam merencanakan aktiviti keserjanaan ilmu di Fakulti Pendidikan UTM. Segala sumbangan yang diterima akan dimasukkan ke dalam Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM. Kami berharap agar tradisi kedermawan akan terus subur dan segala sumbangan anda amat kami hargai walaupun kecil atau besar.

# OBJEKTIF

## PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN FAKULTI PENDIDIKAN UTM

Antara objektif utama penubuhan Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM adalah :

- Penajaan biasiswa kepada mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.
- Menjalankan penyelidikan dan penerbitan bahan saintifik.
- Perlaksanaan program berimpak tinggi melibatkan staf dan mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.
- Bantuan kewangan kepada mahasiswa yang memerlukan.

# FAEDAH

Para penyumbang Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM akan memperoleh beberapa faedah dan faedah tersebut bergantung kepada jumlah sumbangan yang diberi, antaranya :

- Pengecualian cukai pendapatan di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Ref. JHDN.



## BORANG SUMBANGAN TABUNG ENDOWMEN FAKULTI PENDIDIKAN UTM

### AKAD SUMBANGAN

Saya wakilkan kepada Pengurus Endowmen Fakulti Pendidikan UTM untuk mewakafkan mana-mana 'ain kekal kerana Allah SWT atas nama Tabung Endowmen Fakulti Pendidikan UTM sebanyak RM \_\_\_\_\_ secara \_\_\_\_\_

Tunai / Cek (Nombor Cek : \_\_\_\_\_ )

Bank Deraf (No. Rujukan : \_\_\_\_\_ )

Deposit Ke Akaun Bendahari (No. Akaun CIMB : 8006053536)

Potongan Gaji (Staf UTM sahaja) (Bulan / Tahun Mula Potongan : \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ )

### Jumlah

Ringgit Malaysia (RM) : \_\_\_\_\_  
Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Tel. / HP : \_\_\_\_\_  
Staf ID & No. KP : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_

Semua cek/bank deraf hendaklah dibayar atas nama **BENDAHARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**.  
Sila kirimkan cek/bank deraf bersama-sama helaian borang sumbangan ini ke alamat seperti tertera di belakang brosur.  
Atau emelkan salinan bukti pembayaran ke : [fp-endowment@utm.my](mailto:fp-endowment@utm.my)